

181

NO SOALAN :380

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI
(TENOM)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan punca 5,000 syarikat yang didapati menipu mengelak cukai barang dan perkhidmatan (GST) kepada Kerajaan sejak sistem percukaian itu dilaksanakan pada 2015 dan setakat mana Jabatan Kastam Diraja Malaysia memberi penerangan kepada syarikat-syarikat berhubung cara mengisi borang pengisytiharan GST.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara punca syarikat berdaftar GST yang mengelak daripada membayar GST kepada Kerajaan adalah berdasarkan kesalahan seperti:

- i. Gagal untuk menghantar penyata cukai dalam tempoh yang telah ditetapkan;
- ii. Syarikat tidak membuat pembayaran GST kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM); dan
- iii. Syarikat membuat pengisytiharan palsu atau kurang isytihar (*under-declare*) di dalam penyata cukai.

JKDM telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memastikan peniaga sentiasa mematuhi undang-undang GST dan mencegah kes penipuan berhubung GST. Salah satu langkah yang telah diambil oleh JKDM adalah memberi penerangan dan pendidikan kepada syarikat melalui saluran berikut:

- i. Program *handholding* kepada syarikat-syarikat yang telah mendaftar GST. Program *handholding* ini dijalankan oleh JKDM di peringkat negeri dan lebih menjurus kepada keperluan setiap sektor bagi memudahkan pemahaman yang terperinci mengenai pelaksanaan GST di kalangan peniaga termasuk pengisian borang secara tepat dan betul;
- ii. Program *Informed Compliance* di mana peniaga yang dikenalpasti membuat pengikraran yang meragukan diberi peluang untuk membuat pindaan sehingga tempoh tertentu dan tindakan akan diambil sekiranya masih gagal membetulkan pengikraran berkenaan;

- iii. Program Duta GST yang mana sehingga kini, JKDM telah melantik seramai 256 Duta GST yang terdiri daripada pegawai JKDM bagi membantu memberi penerangan dan menyebarkan maklumat yang tepat mengenai GST kepada peniaga; dan
- iv. Kaunter informasi seluruh negara di mana pegawai JKDM bersemuka secara terus dengan pelanggan yang hadir untuk mendapatkan khidmat nasihat.

Selain itu, JKDM juga telah melaksanakan beberapa inisiatif berikut:

- i. Memantapkan Operasi GST melalui *Customs Blue Ocean Strategy* (CBOS) yang melibatkan kerjasama dalaman di JKDM iaitu Bahagian GST, Bahagian Pematuhan dan Bahagian Penguatkuasaan. Melalui pendekatan ini, program pengauditan dan penguatkuasaan dijalankan secara bersama untuk mengoptimumkan sumber tenaga kerja dan meningkatkan lagi bilangan peniaga yang diaudit dalam tempoh tertentu;
- ii. Melaksanakan *Collection Intelligence Arrangement* (CIA) bagi perkongsian maklumat di bawah memorandum persefahaman di antara JKDM dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk memastikan tahap pematuhan cukai secara keseluruhannya yang meliputi cukai langsung dan tidak langsung terus

184
dipertingkatkan dan pengurusan kutipan hasil dikendalikan dengan cekap;

- iii. Memantapkan operasi penyiasatan dan memperkuatkan pasukan pendakwaan untuk memastikan kes yang dibawa ke mahkamah adalah kukuh untuk mempertahankan kutipan GST; dan
- iv. Memperkenalkan Program Jaminan Pematuhan GST (MyGCAP) yang dijangka bermula pada suku kedua tahun 2018. Program ini merupakan satu inisiatif di antara JKDM dan orang berdaftar GST bagi meningkatkan pengurusan risiko dan pematuhan kepada perundangan GST.

SOALAN (381)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM]**

SOALAN :

YB DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan pembinaan rumah mampu milik dan projek perumahan rakyat mengikut negeri bagi tempoh 2010-2018.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menetapkan matlamat untuk membina 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) mulai 2013 hingga akhir tahun 2018 bagi golongan B40 dan M40 untuk memiliki rumah. Terdapat beberapa agensi yang melaksanakan pembangunan RMM termasuk Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB), Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) dan lain-lain agensi berkaitan termasuk Kerajaan Negeri.

Sehingga Disember 2017, sebanyak 450,619 unit RMM telah disiapkan dan dalam pembinaan, manakala sebanyak 448,028 unit rumah dalam pelbagai peringkat perancangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berdasarkan Pelaksanaan 1 Juta RMM yang dinyatakan, Kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara melaksanakan Program Perumahan Rakyat (PPR) bagi memenuhi keperluan perumahan golongan berpendapatan rendah .

27

Pada masa ini, terdapat pelbagai peringkat pelaksanaan Projek PPR iaitu samaada di peringkat projek siap, projek dalam pembinaan dan projek dalam perancangan. Bilangan projek dan unit PPR sehingga 31 Disember 2017 mengikut negeri adalah seperti berikut:-

**STATUS PELAKSANAAN PPR MENGIKUT NEGERI SEHINGGA
31 DISEMBER 2017**

BIL.	NEGERI	JUMLAH	
		BIL. PROJEK	BIL. UNIT
1.	JOHOR	17	13,325
2.	KEDAH	9	5,122
3.	KELANTAN	8	3,583
4.	MELAKA	5	1,851
5.	N.SEMBILAN	5	1,222
6.	PAHANG	34	4,868
7.	PERAK	10	1,774
8.	PERLIS	3	1,428
9.	P.PINANG	4	999
10.	SABAH	39	26,199
11.	SARAWAK	12	5,433
12.	SELANGOR	8	6,484
13.	TERENGGANU	2	1,502
14.	WP LABUAN	1	500
15.	WPKL	27	34,862
JUMLAH		184	109,152

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018